

# FENOMENA 'ARAB SPRING' DI ASIA BARAT

Siti Nurul Izah Musa<sup>1</sup>& Wan Kamal Mujani<sup>2</sup>

Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam,  
Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

No. Bim.: 013-6183086,019-3324039

e-Mel: [nurulizah\\_89@yahoo.com](mailto:nurulizah_89@yahoo.com), [inamal@yahoo.com](mailto:inamal@yahoo.com)

## ABSTRAK

Istilah “*Arab Spring*” atau dikenali dalam bahasa Arab “*al-Rabi al-Arabi*” merupakan revolusi tunjuk perasaan dan protes rakyat ke atas kerajaan yang memerintah. Ia dikatakan bermula pada 18 Disember 2010 di Sidi Bouzid, Tunisia. Walau bagaimanapun, fenomena yang meletus ini turut menular ke beberapa buah negara Asia Barat yang lain. Antaranya Mesir, Libya, Yaman dan Syria. Justeru itu, artikel ini adalah bagi menganalisis fenomena Arab Spring yang berlaku di negara-negara tersebut. Di samping itu artikel ini bertujuan untuk melihat dengan lebih mendalam bagaimana tercetusnya pergolakan yang berlaku dan mengenal pasti faktor-faktor yang membawa kepada tunjuk perasaan rakyat. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu pendekatan analisis dokumen untuk mencerakinkan maklumat daripada sumber berautoriti bagi memastikan kesahihan maklumat yang diperolehi. Hasil kajian mendapati bahawa gelombang kebangkitan rakyat merupakan protes rakyat terhadap kerajaan sedia ada. Terdapat beberapa faktor seperti politik, ekonomi dan sosial yang merupakan punca utama membawa kepada fenomena Arab Spring. Walaupun ia berpunca daripada isu atau permasalahan yang berbeza-beza bagi setiap negara, namun matlamat kebangkitan rakyat tetap sama iaitu memprotes kerajaan yang tidak adil dan menuntut hak-hak rakyat dikembalikan semula.

**Kata Kunci:** *'Arab Spring', Revolusi, Pergolakan, Asia Barat*


## Pengenalan

Kebangkitan rakyat yang tercetus di dunia Arab ekoran konflik politik yang berlaku telah menarik perhatian umum. Isu ini tidak lagi menjadi sesuatu yang asing di negara-negara yang sebelum ini mengabaikan dan mengasingkan diri daripada perkembangan politik dunia. Kebangkitan rakyat yang berlaku di dunia Arab dikatakan telah bermula di Tunisia pada Disember 2010 yang mencetuskan gelombang kebangkitan rakyat seterusnya merebak ke Mesir kemudian Libya dan berlarutan hingga ke negara-negara Arab yang lain. Walau bagaimanapun peristiwa ini telah bermula

sekitar dua tahun sebelumnya iaitu di Yaman pada 2009 dan Bahrain pada 2010. Namun kedua-dua kebangkitan ini seolah-olah diabaikan dan tidak diendahkan berikutan protes yang berlaku dalam bentuk skala yang kecil. Kebanyakan peristiwa yang berlaku mempunyai satu tujuan yang serupa, iaitu menuntut kepada sebuah pimpinan yang adil dan saksama. Justeru secara tidak langsung ia merupakan antara faktor kebangkitan rakyat untuk menentang tampuk pemerintahan yang sedia ada dan rakyat mengimpikan satu transformasi yang bakal berlaku di negara mereka. (Haas 2013: 14).

### Istilah 'Arab Spring'

Gelombang kebangkitan atau lebih popular dikenali sebagai 'Arab Spring' merupakan penentang yang berlaku dalam kalangan rakyat. Kebangkitan ini merupakan suara rakyat yang menuntut hak-hak mereka dikembalikan semula daripada kerajaan yang sedang memerintah. 'Arab Spring' atau dalam bahasa Arab disebut "*al-Arabi al-Rabi*" merupakan protes rakyat terhadap sistem pemerintahan yang tidak adil dan menuntut sebuah pemerintahan baru yang lebih demokrasi (Manfreda t.th: 1). Rakyat seolah-olah baru tersedar selama ini mereka ditindas dan hak-hak mereka dinafikan lalu mereka menentang pemimpin sedia ada. Apabila rakyat tidak dibenarkan bersuara maka yang tinggal hanyalah demonstrasi jalanan. Rejim kerajaan menganggap isu ini sama dengan apa yang berlaku di Palestin kerana rakyatnya yang mengangkat senjata menentang Zionis dianggap pengganas dan menentang pendamaian. Pergolakan dunia Arab yang berlakutelah memberi impak kepada seluruh dunia (Alissa 2010: 12).



Rajah 1.1

Berdasarkan Rajah 1.1 menunjukkan faktor-faktor yang membawa kepada kebangkitan rakyat di negara-negara Arab. Rakyat menunjukkan protes mereka terhadap kezaliman pemerintah yang telah berlaku sejak sekian lama. Penindasan rejim kerajaan yang tidak berperikemanusiaan membuatkan rakyat bangkit menuntut hak kebebasan mereka yang selama ini diabaikan. Kegawatan ekonomi yang serius dan peningkatan pengangguran juga merupakan antara faktor kebangkitan rakyat di dunia Arab. Korupsi dan penyelewengan kuasa antara isu yang mendapat perhatian dan menimbulkan ketidakpuasan hati rakyat. Ia bukanlah perkara baru yang menjadi pencetus kemarahan rakyat. Hal ini kerana, janji pemerintah selama ini untuk membasmi korupsi secara serius tidak ditunaikan maka ia menambahkan kebencian rakyat. Apatah lagi sekiranya yang mengamalkan rasuah adalah pemerintah mereka sendiri. Faktor-faktor ini dikenal pasti menjadi punca utama kebangkitan rakyat dan sudah pasti mendorong rakyat mendesak kerajaan sedia ada untuk memperbaikinya. Antara negara-negara yang mengalami kebangkitan rakyat ialah Tunisia, Mesir, Libya, Yaman dan Syria (Dylan t.th : 2).

## Tunisia

Kebangkitan rakyat di dunia Arab dikatakan bermula di Sidi Bouzid, Tunisia Disember 2011. Revolusi Tunisia juga dikenali sebagai Revolusi Jasmin bermula dengan peristiwa seorang pemuda bernama Abu Bouazizi yang berusia 26 tahun bertindak membakar dirinya tanda protes terhadap seorang pegawai kerajaan yang bersikap kurang sopan dengan menghina dan merampas barang-barang perniagaannya. Bouazizi merupakan seorang graduan universiti tempatan dan disebabkan kegawatan ekonomi serta masalah pengangguran yang serius melanda negara Tunisia pada ketika itu, memaksa Bouazizi menjual sayuran dan buah-buahan untuk menyara kehidupannya sekeluarga (<http://www.Radiotunisienne.tn/index>).

Peristiwa kematian Bouazizi telah membawa kemarahan rakyat Tunisia untuk memprotes ketidakadilan pemerintah. Walau bagaimanapun, kematian Bouazizi bukanlah menjadi punca utama kebangkitan rakyat Tunisia tetapi pada hakikatnya protes rakyat adalah terhadap masalah ekonomi dan peningkatan pengangguran terutamanya dalam kalangan belia yang telah lama berlaku sehingga rakyat hidup dalam kesempitan. Akhirnya dendam yang selama ini disimpan telah membangkitkan kemarahan rakyat seterusnya membawa kepada gelombang kebangkitan yang memprotes kezaliman serta ketidakpuasan hati terhadap amalan korupsi dan penyelewengan kuasa pemimpin (Peter 2011: 19).

Natijah daripada peristiwa yang berlaku, telah membawa perubahan yang besar dalam sektor politik, ekonomi dan sosial di Tunisia. Kadar inflasi makanan yang meningkat menyebabkan rakyat hidup dalam kemiskinan dan keburlan berikutan kos sara hidup yang meningkat naik. Pergolakan yang berlaku telah mengakibatkan beribu-ribu nyawa terkorban dan sebahagian besarnya merupakan tindakan rejim kerajaan serta pasukan keselamatan yang menyerang rakyat yang memberontak. Namun, hasil gabungan seluruh rakyat Tunisia mampu menggulingkan pemerintah dan akhirnya membawa kepada perletakan jawatan presiden Tunisia Zine El Abidine Ben Ali pada 14 Januari 2011. Ben Ali yang telah memerintah Tunisia selama 23 tahun tumbang kerana gagal memberikan kehidupan yang baik kepada rakyatnya terutamanya dari sudut ekonomi, politik dan sosial (Ibid: 20).

## Mesir

Berbekalkan semangat kebangkitan negara Tunisia yang berjaya menggulingkan pemimpin diktaktor Ben Ali, rakyat Mesir ingin membuktikan bahawa mereka juga mampu menumbangkan pemimpin yang digelar "Firaun pada Zaman Moden". Kebangkitan rakyat Tunisia telah mendorong rakyat Mesir untuk menentang kezaliman dan kekejaman rejim pemerintah. Selama 30 tahun rakyat menghadapi tekanan di bawah pemerintahan presiden Mesir Hosni Mubarak. Gelombang kebangkitan rakyat Mesir bermula pada 25 Januari 2011 yang telah berlangsung selama 18 hari (Haris 2012: 24).

Antara faktor-faktor yang dikenal pasti menjadi punca berlakunya kebangkitan rakyat di Mesir adalah disebabkan kegawatan ekonomi. Ditambah pula kekurangan peluang pekerjaan, meningkatkan lagi masalah pengangguran di negara Mesir. Selain itu, kenaikan harga barang dan kos sara hidup yang meningkat sudah pasti mendorong rakyat untuk bangkit memberontak. Rakyat Mesir tidak mahu lagi hidup dalam pemerintahan Hosni Mubarak dan akhirnya bangkit menuntut hak-hak mereka dikembalikan semula. Kebangkitan ini adalah protes terhadap sikap pemimpin kerajaan yang menggunakan duit rakyat dengan sewenang-wenangnya tetapi dalam masa yang sama rakyat hidup dalam kemiskinan dan permintaan mereka diabaikan. Namun desakan rakyat untuk kerajaan menbaikinya tidak diindahkan

dan kerajaan hanya memekakan telinga dengan permintaan rakyat (<http://www.sis.gov.eg/Newvvr/egyptionrevoution>).

Bagi mengukuhkan kedudukan Hosni Mubarak di Mesir, beliau telah menggunakan institusi-institusi negara seperti pihak polis, pasukan perisik dan keselamatan dalam negeri untuk menekan dan menindas rakyat yang cuba memberontak menuntut demokrasi ditegakkan. Hal ini kerana apabila pilihan raya diadakan bagi memilih pemimpin yang memerintah, ianya dipersoalkan dan dicurigai kesahihannya. Melalui pilihan raya yang diadakan pada November dan Disember 2010, Hosni Mubarak telah menang dalam pilihan raya dengan mendapat lebih 80 peratus undi hasil daripada sokongan pengundi Mesir. Bagi rakyat Mesir ia merupakan suatu keputusan yang tidak boleh dipercayai dan mereka menganggap proses pilihan raya bukanlah medium yang sesuai untuk digunakan untuk melantik pemerintah. Oleh yang demikian, pilihan yang tinggal bagi rakyat Mesir hanyalah demonstrasi jalanan untuk mewakili suara dan kehendak rakyat yang selama ini diabaikan oleh rejim kerajaan. Peristiwa yang berlaku di Mesir merupakan protes rakyat untuk menjatuhkan Hosni Mubarak yang bersikap zalim terhadap rakyatnya (Hedaya 2013: 34).

Dalam masa yang sama media massa yang berada dibawah rejim kerajaan memainkan peranan yang penting dalam usaha membendung suara kebangkitan rakyat. Hal ini kerana, ternyata peranan digital dunia maya melalui sistem pesanan ringkas (SMS), jaringan sosial seperti Facebook dan Twitter memainkan peranan utama dalam gerakan demonstrasi menumbangkan Hosni Mubarak. (Muhammad 2014: 14). Oleh itu, bagi menghalang penggunaan keupayaan aktivisme penunjuk perasaan yang menganjurkan bantahan di jalanan, kerajaan Mesir telah meningkatkan usaha dengan menghadkan capaian internet Negara. Mulai 28 Januari 2011, perhubungan Internet dan perkhidmatan telefon bimbit termasuklah penghantaran sms telah disekat dan diberhentikan (Muhammad 2012: 93).

Walaupun pelbagai usaha yang dilakukan Hosni Mubarak untuk memenangi semula hati rakyat namun ia tidak berjaya berikutan cetusan revolusi rakyat yang masih berterusan. Ia merupakan natijah daripada pelbagai pihak termasuklah rakyat Mesir sendiri dan akhirnya pada 11 Februari 2011 Hosni Mubarak telah meletakkan jawatan dan menyerahkan kuasanya kepada majlis Agung Angkatan Tentera. Selepas dua hari penyerahan kuasa kepada Majlis Agung Angkatan Tentera, kerajaan tentera dibawah pimpinan Mohamed Hussein Tantawi telah mengumumkan bahawa perlembagaan negara digantung, dewan parlimen dibubarkan dan tentera akan memerintah selama enam bulan sehingga pilihan raya boleh diadakan semula. Bagaimanapun revolusi masih berterusan hingga akhir tahun 2011 berikutan lahirnya kebimbangan rakyat Mesir dengan pemerintahan Majlis tertinggi Tentera Angkatan dilihat kelesuan dalam memulakan pembaharuan yang baru. Kesan berlakunya pergolakan di Mesir telah membawakepincangan dalam sektor politik seterusnya menggugat pembangunan negara. Pertempuran yang berlaku menyebabkan rakyat hidup menderita kerana turut berlakunya kemusnahan harta bendahan tempat tinggal (Ibid:115-117).

## **Libya**

Setelah empat hari penggulingan Hosni Mubarak di Mesir, revolusi Tanah Arab mula merebak ke Libya. Protes antikerajaan bermula di Libya pada 15 Februari 2011. Jika dilihat dengan mata kasar, seolah-olah kebangkitan rakyat ini adalah untuk menuntut pertanggungjawaban pemerintahan Muammar Gaddafi atas pembunuhan 14 orang demonstran pada tahun 2006. Namun pada hakikatnya kebangkitan rakyat Libya adalah disebabkan memprotes kezaliman pemerintah (Haas 2013: 32).

Selama 42 tahun pemerintahan, agak sukar untuk Muammar Gaddafi meletakkan jawatan malah dia masih terus mahu mempertahankan takhta pemerintahannya dan beliau mengancam rakyat bahawa negara Libya akan menghadapi satu perang saudara sekiranya revolusi rakyat diteruskan. Walaupun pelbagai ancaman dan tindakan yang dilakukan oleh Gaddafi, namun revolusi rakyat Libya masih berterusan dan telah pun menguasai sebahagian besar negara Libya. Ini termasuklah Benghazi iaitu bandaraya terbesar di Libya. Ekoran daripada revolusi yang semakin merebak luas, lama kelamaan sokongan terhadap Gaddafi semakin berkurangan apabila sebahagian rejim kerajaan seperti para diplomat, pegawai-pegawai tentera dan keselamatan telah berpihak menyebelahi rakyat. Hasil daripada sokongan tersebut telah membakar semangat rakyat Libya untuk bangkit menentang pemerintah sedia ada (<http://edition.cnn.com/2013/09/20/world/libya-civil-war-fast-facts>).

Kezaliman dan kekejaman pemimpindilihat antara punca utama kebangkitan rakyat di Libya. Rakyat sudah bosan dan jemu dengan pemerintahan kerajaan yang selama ini menindas dan tidak menghiraukan kepentingan rakyat. Rakyat mengimpikan kebebasan politik dan kebebasan sosial yang selama ini disekat hak kebebasan mereka. Kebangkitan rakyat ini antara protes rakyat terhadap pemerintah yang menuntut supaya mengembalikan hak-hak mereka yang sepatutnya mereka miliki tetapi tidak ditunaikan. Selain itu kemarahan rakyat juga berpunca daripada faktor dalaman iaitu pemerintah menjalinkan hubungan dengan kuasa-kuasa besar yang sebenarnya hanya menjadikan rejim pemerintah sebagai boneka untuk menjaga kepentingan mereka di negara Arab. Sebagai balasan, pemerintah Arab disogok dengan wang dan pelbagai jenis bantuansama ada dari segi keselamatan atau ketenteraan (<http://edition.cnn.com/2013/09/20/world/libya-civil-war-fast-facts>).

Bagi memastikan pemerintahannya kekal, Gaddafi telah menggunakan pelbagai taktik dan tipu helah untuk mempertahankan kuasanya di Libya. Antara usaha yang dilakukan Gaddafi ialah menggunakan tentera upahan dari Afrika untuk menyerang mereka yang melakukan demonstrasi di tengah-tengah bandar Tripoli. Kekerasan Gaddafi yang mahu mempertahankan pemerintahan di Libya menyukarkan gerakan kebangkitan rakyat. Kesannya telah membawa kepada beribu-ribu kematian bukan sahaja rakyat malah melibatkan rejim tentera. Pergolakan yang berlaku turut menyebabkan kemusnahan harta benda dan tempat tinggal. Walau bagaimanapun setelah 42 tahun akhirnya setelah lebih lapan bulan kebangkitan rakyat akhirnya pemerintahan Gaddafi dapat ditumbangkan pada 20 Oktober 2011. Dalam revolusi itu, Gaddafi meninggal dunia selepas mengalami kecederaan yang serius akibat serangan bom jet pejuang NATO dan beliau merupakan pemerintah pertama yang dibunuh dalam siri kebangkitan rakyat di negara-negara Arab ([http://www.ibtesama.com/vb/showthread-t\\_261757.html](http://www.ibtesama.com/vb/showthread-t_261757.html)).

## **Yaman**

Semasa hangat nya isu kebangkitan rakyat di beberapa buah negara Arab dan memperlihatkan kejayaan menjatuhkan pemimpin yang memerintah, revolusi ini terus menular ke Yaman. Protes anti pemerintah muncul di daerah Utara dan Selatan Yaman pada pertengahan Januari 2011. Kira-kira lebih 20 000 rakyat membanjiri jalan-jalan utama di bandar Sanaa' dan mengadakan perhimpunan protes terhadap kerajaan. Himpunan ini dinamakan sebagai "Hari Berang". Demonstrasi penunjuk perasaan antikerajaan Yaman sudah pun berhimpun dalam jumlah yang besar sejak tercetusnya kebangkitan rakyat di Tunisia dan ia merupakan tindakan yang turut didorong kesatuan rakyat untuk bangkit menuntut hak-hak mereka dikembalikan (Kate 2011: 24).

Rakyat yang mahukan perubahan telah berhimpun di luar Universiti Sanaa sebagai tanda protes mereka terhadap pemerintah. Melihat kepada gelombang kebangkitan yang berlaku, presiden Yaman Abdullah Ali merasakan kedudukannya tergugat dan mengumumkan akan meletakkan jawatan apabila mandat kepimpinannya berakhir dalam tempoh dua tahun lagi. Beliau juga berjanji keturunannya tidak akan mengambil alih jawatan pemerintahan kelak. Walau bagaimanapun rakyat merasa sangsi dengan janji Ali Abdullah yang telah memerintah Yaman selama 32 tahun. Ini kerana Ali Abdullah pernah membuat janji yang sama pada 2006 tetapi gagal untuk memenuhinya dan beliau bertanding semula untuk merebut kerusi dalam pilihan raya. Usaha rakyat menjatuhkan presiden Ali diteruskan apabila pada 3 Jun bangunan pejabat Ali Abdullah Saleh musnah dengan letupan sehingga menyebabkan Ali cedera. Pada 23 September Saleh dipaksa untuk menandatangani perjanjian pemindahan kekuasaan. Namun begitu, beliau mengundurkan diri dan memberikan kekuasaan kepada penerusnya (<http://www.bbc.co.uk/arabic/middleeast/>).

Rakyat yang selama ini hidup dengan penuh kesengsaraan tidak sanggup lagi diperintah oleh pemimpin diktator yang tidak menghiraukan kepentingan rakyat. Rakyat mengimpikan perubahan dalam rejim pemerintahan yang menjaga kepentingan dan kebajikan rakyat. Dalam penelitian yang dilakukan didapati bahawa, Yaman merupakan negara yang paling miskin di dunia Arab. Hampir separuh penduduk Yaman hidup di bawah garis kemiskinan dengan pendapatan RM6 (AS\$2) sehari. Begitu juga dengan keadaan kanak-kanak di Yaman, dengan kadar kemiskinan yang tinggi mereka sudah tidak mengikuti sesi persekolahan malah dalam usia yang masih muda mereka sudah masuk ke dunia pekerjaan. Ekoran daripada pergolakan yang berlaku, telah membawa peningkatan angka kematian. Rakyat hidup terseksa dengan kehilangan ahli keluarga dan tempat tinggal. Kesusahan dan penderitaan yang mereka alami tidak dihiraukan malah yang lebih menyedihkan ada yang meninggal dunia disebabkan kebuluran (J. Abney 2013:51).

## **Syria**

Ketika isu kebangkitan rakyat hangat diperkatakan di beberapa buah rantau negara Arab, gelombang kebangkitan ini terus menular ke negara Syria. Syria merupakan sebuah negara yang telah berlakunya pergolakan semenjak dari pemerintahan Hafez al-Assad yang memerintah selama 32 tahun dan diikuti oleh anaknya Bashar al-Assad (<http://edition.cnn.com/2014/01/08/world/middleeast/syria-civil-war>). Hafez al-Assad berpegang pada Syiah Nusairiyah yang memusuhi dan menyimpan perasaan dengki kepada muslim Sunni. Kerajaan Syria didokong kuat oleh negara Iran dan Hizbullah di Lubnan yang menyokong tindakan Hafez al-Assad membunuh rakyatnya sendiri.

Jika dilihat, setiap negara yang mengalami kebangkitan rakyat mempunyai isu tersendiri dan begitu juga Syria. Konflik berdarah di Hama pada tahun 1982 yang berlaku selama 27 hari mengorbankan hampir 46000 ribu penduduk. Peristiwa yang berlaku, menyebabkan rakyat Syria mendiamkan diri dari bidang politik. Namun begitu, sekian lama mereka kembali bangkit bagi memprotes kezaliman pemerintah dan ia telah merebak ke bandar-bandar lain seperti Dar'aa, Hauran, Halab bahkan sehingga ia berlaku di 157 kawasan di Syria. Walau bagaimanapun tercetusnya kebangkitan rakyat Syria pada Mac 2011 berpunca daripada sejumlah kanak-kanak lelaki yang telah menconteng dinding sekolah dengan menulis "*As-Shaab Yurid Iskaat el Nizam!*(Rakyat Mahu menjatuhkan Rejim)". Slogan ini telah dilaungkan di negara-negara yang berlaku kebangkitan rakyat seperti Mesir, Libya, Yaman dan beberapa buah negara Arab yang lain (<http://paksi.net/v1/2012/02/> kebangkitan-rakyat-syria).

Ekoran dari peristiwa itu, pasukan keselamatan Syria telah menangkap kanak-kanak ini. Mereka telah dipenjarakan, diperlakukan dengan kejam malah kanak-kanak ini disiksa dengan mencabut kuku kaki dan tangan serta dicabul. Kesan daripada perlakuan itu, salah seorang kanak-kanak telah meninggal dunia dan keluarganya meminta mayat kanak-kanak itu serta mohon kepada pasukan keselamatan membebaskan kanak-kanak yang masih berada dalam tahanan. Walau bagaimanapun kerajaan meletakkan syarat jika kanak-kanak itu mahu dibebaskan, mereka haruslah memberi wanita-wanita dalam kalangan mereka untuk dinikahi mereka. Hal ini membangkitkan kemarahan rakyat Syria dan ia merupakan perbuatan yang menghinakan. Sebab itulah mereka bangkit dan mengangkat senjata untuk mempertahankan diri dan akhirnya membawa kepada kebangkitan rakyat di Syria (<http://paksi.net/v1/2012/02/> kebangkitan-rakyat-syria).

Namun begitu, dari segi hakikatnya rentetan kebangkitan rakyat ini berlaku disebabkan beberapa perkara utama yang selama ini dipendamkan iaitu penindasan dan kekejaman rejim pemerintah yang tidak berhenti selama 40 tahun. Korupsi dan penyelewengan kuasa yang dilakukan pegawai kerajaan dan pemimpin antara isu yang mendapat perhatian dan menimbulkan ketidakpuasan hati rakyat. Kebangkitan rakyat menuntut perletakan jawatan presiden Syria dan pertukaran rejim pemerintah yang dikuasai keluarga al-Assad. Rakyat tidak mahu lagi hidup dibawah sistem diktator dan autoritaria dan mereka menuntut ke arah pembebasan rakyat. Kebangkitan rakyat berterusan dan semakin kukuh. Semakin ramai tentera telah bersama rakyat bagi melindungi orang-orang yang turun berdemokrasi kerana tidak mahu melihat kekejaman rejim Basyar al-Assad ini yang sesuka hati membunuh rakyatnya sendiri. Sepanjang berlakunya pergolakan ramai rakyat yang terkorban malah yang tercedera tidak dirawat dan dibiarkan sahaja (<http://arabic.euronews.com/> 2012/03/15/syria-a-year-long-struggle-to-oust-assad)

Pertubuhan-pertubuhan Arab (Liga Arab) telah mengambil langkah terhadap apa yang berlaku di Syria iaitu mereka tidak membenarkan pegawai-pegawai Syria memasuki kawasan mereka begitu juga dua buah negara iaitu Iraq dan Lubnan kerana pemimpin Syria merupakan orang Syiah dan mereka selalu meminta pertolongan dari Iraq yang merupakan negara Syiah. Di Syria, kebangkitan rakyat yang mahu mengubah kerajaan pimpinan Presiden Bashar al-Assad, kini menjadi mimpi ngeri apabila ia meletus menjadi perang saudara yang kini berlarutan lebih dua tahun dan mengorbankan lebih 70, 000 nyawa dan memaksa lebih 1.4 juta penduduk Syria menjadi pelarian. Di Syria slogan 'ubah' kerajaan bukan sahaja meragut banyak nyawa tetapi menyaksikan kemusnahan negara itu di depan rakyatnya sendiri (<https://www.washingtoninstitute.org/uploads/Documents/opeds/White20140115-CTCSentinel.pdf>)

## **Kesimpulan**

Melihat kepada tercetusnya kebangkitan rakyat di Tanah Arab, menjelaskan bahawa pemerintahan bersifat diktator yang menindas rakyat tidak mampu untuk bertahan lama meskipun rejim kerajaan mempunyai hubungan yang rapat dengan kuasa-kuasa besar yang lain dan penguasaan tentera yang hebat. Peristiwa 'Arab Spring' merupakan fenomena yang mengubah wilayah lahan dunia yang awalnya mengarah kepada perubahan politik di rantau Asia Barat dan seterusnya membawa kepada penggulingan rejim pemerintah. Hancurnya kekuasaan diktator di beberapa negara Timur tengah dan Afrika Utara membawa harapan baru kepada rakyat di negara masing-masing yang mengalami fenomena ini. Perubahan politik memberikan impak yang besar terhadap rantau konflik dunia Arab. Penindasan dan kezaliman pemerintah terhadap rakyat akhirnya mencetuskan gelombang kebangkitan rakyat. Kebangkitan rakyat ini adalah untuk menyuarakan kebebasan dari sistem pemerintahan yang tidak adil yang mencengkam hidup mereka sehingga ada yang mencecah hampir setengah abad. Buktinya

melihat kepada situasi politik yang bermula dengan kebangkitan rakyat di Tunisia yang menjadi pencetus revolusi untuk menjatuhkan pemerintah lalu merebak ke Mesir kemudian Libya dan berlarutan hingga ke negara-negara Arab yang lain. Kebanyakan mempunyai satu tujuan yang sama iaitu menuntut sebuah pimpinan yang adil dan saksama.

## Rujukan

Alissa Emily Gordon. 2010. *Collapse of The Arab Spring: Democratization and Regime Stability in Arab Authoritarian Regimes*. Tesis Sarjana. Faculty of Art and Sciences. Georgetown University

Dylan Aprialdo Rachman. T.th. *Fenomena 'Arab Spring' (Musim Semi di Dunia Arab), Runtuhnya Kekuasaan Diktator di Timur Tengah dan Afrika Utara*. Kertas kerja 'Arab Spring'. ([http://www.academia.edu/3812208/Paper\\_Fenomena\\_Arab\\_Spring](http://www.academia.edu/3812208/Paper_Fenomena_Arab_Spring))

Haas, Mark L & David W. Lesch. 2013. *The Arab Spring: Change and Resistance in the Middle East*. T.tp: Westview Press

Haris Zalkapli. 2012. *Kebangkitan Gerakan Islam Dalam Fenomena Arab Spring*. Kuala Lumpur: Jundi Resources

Hedaya Aburwen. 2013. *The Politics of Survival: Egypt and Morocco on the Eve the Arab Spring*. Tesis Sarjana Sastera dan Sejarah. University of California

Jeffrey White. Allah at War in Syria: Forces, Operation, Effects and Implications. CTC Sentinel. January 2014. Vol 7. Issue 1. <https://www.washingtoninstitute.org/uploads/Documents/opeds/White20140115-CTCSentinel.pdf> [23 Mac 2014].

J. Abney, Margaret. 2013. *Avoiding The Arab Spring? The Politics of Legitimacy in King Mohammed VI'S Morocco*. Thesis Master of Arts. Department of Political Science. University of Oregon

Kate Nevens. 2011. *Yemen's Youth Revolution. The Arab Spring Implications for British Policy*. Conservative Middle East Council

Manfreda, Primoz. T.th (<http://middleeast.about.com/od/humanrightsdemocracy/a/Definition-Of-The-Arab-Spring.html>) [16 Februari 2014]

Muhammad Abdul Malik. 2012. *Menanti Fajar Menyingsing*. Kuala Lumpur : Telaga Biru Sdn.Bhd

Muhammad Kamal Sulaiman. 2014. *Rampasan Kuasa Mesir Pengkhianatan Sebuah Revolusi dan Demokrasi*. Selangor: Kemilau Publika Sdn Bhd

Peter Middlebrook, Claire Hajaj, Sharon Miller, Diana Stellman, Hannah Stewart, Omar Bennamour, Fouzia Ahmed & James Lloyd. 2011. *Re-Thinking The Arab Spring & Roadmap for G20/UN Support? USA: Geopolicity Offices*



بحث عن احتجاجات 2011، بحث عن انتفاضة الشعب الليبي، تقرير عن الثورة الليبية

[http://www.ibtesama.com/vb/showthread-t\\_261757.html](http://www.ibtesama.com/vb/showthread-t_261757.html) [21 Februari 2011]

بصالحا حنا التيلانتفاضة الثالثة الذكريفاليمينمظاهرات

[http://www.bbc.co.uk/arabic/middleeast/2014/02/140211\\_yemen\\_demos.shtml](http://www.bbc.co.uk/arabic/middleeast/2014/02/140211_yemen_demos.shtml). BBC 'ARABI' [11 Feruari 2014]

المصريةالثورانتاريخعلياطلالة <http://www.sis.gov.eg/Newv/egyptionrevoution/intro.html>[28 Mac 2014]

<http://paksi.net/v1/2012/02/> kebangkitan-rakyat-syria[22Mac2014]

<http://arabic.euronews.com/2012/03/15/syria-a-year-long-struggle-to-oust-assad/> [23Mac 2014].

<http://edition.cnn.com/2014/01/08/world/meast/syria-civil-war/>The Syrian war within a war  
Ivan Watson, Raja Razek & Salma Abdelaziz, CNN[ 8 Januari 2014].

<http://edition.cnn.com/2013/09/20/world/libya-civil-war-fast-facts/>  
CNN Library [16 April 2014].

## LAMPIRAN



Fig. 1. Peristiwa 'Arab Spring' menyebabkan kemusnahan harta benda



Fig. 2. Pergolakan yang berlaku meragut banyak nyawa



Fig. 3. Demonstrasi jalanan rakyat yang menuntut hak-hak kebebasan dari rejim pemerintah